

17/12/2001

Dr M gembira rakyat mampu kongsi perayaan

PUTRAJAYA, Ahad - Kediaman rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Seri Perdana di sini tidak henti dikunjungi orang ramai berbilang bangsa, termasuk pelancong, sempena Aidilfitri.

Dr Mahathir, yang masih cergas pada sidang akhbar selepas tiga jam berdiri dan berjabat tangan dengan pengunjung, berkata beliau gembira rakyat melawatnya nampak mesra dan gembira.

"Masyarakat pelbagai kaum turut memeriahkan lagi suasana Aidilfitri bersama rakyat yang beragama Islam.

"Ini jelas memaparkan bahawa perpaduan sesama kaum masih kukuh di negara ini.

"Ini sesuatu yang unik di Malaysia di mana semua kaum bebas merayakan hari kebesaran masing-masing, malah kemeriahan sambutan turut dikongsi rakyat lain yang bukan seagama," katanya.

Rakyat Malaysia daripada pelbagai peringkat umur, sebahagian berbekalkan kamera manakala kanak-kanak pula memegang bunga dan kad selamat hari raya" ketika berkunjung ke Seri Perdana.

Dr Mahathir mula mengadakan rumah terbuka mulai 10 pagi hingga 1 petang dan kemudian bersambung dari 3 petang hingga 6 petang.

Dianggarkan 50,000 orang mengunjungi Seri Perdana dan mengambil kesempatan melawat kediaman rasmi Perdana Menteri itu.

Mereka yang hadir tidak melepaskan kesempatan bersalaman dengan pemimpin negara itu.

(END)